

KSK lancar hotel baharu

KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), syarikat hartanah di bawah KSK Group Berhad melancarkan projek pembangunan baharu Hotel Kempinski Kuala Lumpur di 8 Conlay.

Hotel itu sebahagian daripada pembangunan 8 Conlay yang diiktiraf Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai salah sebuah Projek Penggerak Ekonomi (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan dalam Program Transformasi Ekonomi Malaysia (ETP).

Dalam satu kenyataan, KSK Land berkata, pihaknya bekerjasama dengan kumpulan hotel mewah terulung, Kempinski Hotels di Eropah.

Mengulas pengiktirafan ini, Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua berkata, pihaknya percaya hotel itu akan membantu menyokong matlamat negara menarik lebih ramai pelancong, sekali gus menjana pertumbuhan sektor pelancongan negara.

Menurutnya, syarikat yakin pembangunan itu akan menggalakkan pelaburan lebih besar dan pertumbuhan



JOANNE KUA

pekerjaan di negara ini.

"Selain daripada peluang pekerjaan diwujudkan, Hotel Kempinski Kuala Lumpur juga bakal menggalakkan lagi pembangunan bakat dalam industri perkhidmatan tempatan.

"Hotel Kempinski Kuala Lumpur bakal menyediakan lebih 700 peluang pekerjaan dengan nilai komitmen pelaburan tidak termasuk kos tanah RM360 juta," katanya.

Projek akan memberi sumbangan positif kepada pendapatan negara kasar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kempinski Hotels, Alejandro Bernabé berkata, syarikat menjangka-



Lakaran Hotel Kempinski Kuala Lumpur 68 tingkat yang bakal menyediakan khidmat bilik lima bintang termasuk suite.

kan masa depan yang cerah di Asia Tenggara dan Malaysia khususnya Kuala Lumpur.

8 Conlay adalah pembangunan kegunaan bercampur nilai pembangunan kasar RM5.4 bilion.

Hotel Kempinski Kuala Lumpur bakal menyediakan 260 bilik hotel lima bintang dan 300 suite perkhidmatan dalam menara 68 tingkat yang akan menarik pelancong antarabangsa dan pelabur.